

RAKYAT HARUS CARI PILIHAN: DR MAHATHIR

Akal banteras

BM - 5 AUG 1985

kemiskinan

Oleh ANUAR ASMADI

NIBONG TEBAL, Sabtu — Akal dan fikiran adalah senjata paling tajam dan berkesan dalam usaha membasnikan kemiskinan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lantaran itu, beliau menasihatkan rakyat menggunakan akal dan fikiran dengan sebaik-baiknya.

"Tidak ada gunanya kita melonggokkan berjuta-juta ringgit bagi sesuatu projek kalau kita tidak mempunyai daya fikiran dan akal yang matang untuk memanfaatkannya," kata Perdana Menteri kepada kira-kira 11,000 orang di Rancangan Pembangunan Bersepadu Sungai Chenaam, dekat sini, hari ini.

Hatta sebatang pokok getah yang sudah tua itu pun boleh menghasilkan pendapatan yang baik jika seseorang itu menggunakan akal dan fikiran.

Pokok getah yang berusia 25 tahun mungkin tidak dapat mengeluarkan susu yang banyak lagi, tetapi jika ditebang dan dijadikan perabot atau alat permainan kanak-kanak, ia masih mendatangkan hasil.

Namun, ini tidak bermakna kerajaan tidak akan membantu rakyat mengatasi kemiskinan. Kerajaan akan melakukan apa sahaja yang terdaya olehnya, kata Perdana Menteri.

Pilihan lain

Perdana Menteri mahu rakyat memberanikan diri mencari pilihan lain sekiranya mereka mendapati pertanian menjadi halangan kepada usaha mereka memajukan ekonomi mereka.

"Kalau tanah di sekeliling kita tidak sesuai untuk bercucuk tanam, apa gunanya kita teruskan usaha ini kerana masih ada pilihan lain untuk kita timba kekaayaan.

"Kita harus menilai dengan menggunakan ketajaman akal fikiran segala sesuatu yang dianugerah oleh Tuhan," katanya.

Perdana Menteri juga mahu industri kecil berasaskan bahan-bahan tempatan diwujudkan di kampung-kampung.

Industri-industri kecil ini bukan sahaja boleh menambahkan pendapatan, malah akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan.

"Kita tidak mahu rakyat menjadi pengemis. Sebaliknya, yang kita mahu ialah rakyat dapat berdikari," katanya dan menambah bahawa dengan cara ini, dunia akan lebih menghormati negara ini.

Turut hadir dalam lawatan ini ialah Ketua Menteri, Dr Lim Chong Eu; Menteri Pertanian, Encik Anwar Ibrahim; Menteri Pelajaran, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi; Timbalan Menteri Pertanian me-

rangkap Ahli Parlimen kawasan Nibong Tebal, Dr Goh Cheng Teik dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Sungai Achch, Datuk Ahmad Salleh.

Terdahulu daripada itu, ketibaan rombongan Perdana Menteri dengan helikopter di padang Sekolah Kebangsaan Sungai Achch, disambut oleh lebih 800 penunggang motosikal yang mewakili Pergerakan Pemuda Umno. Mereka mengiringnya hingga ke Sungai Che-naam.

Projek pembangunan tanah bersepadu di sini adalah satu konsep baru dalam pembangunan tanah yang dilaksanakan secara kelompok oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Pertanian. Dua ratus buah rumah peserta di sini di situ.